



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892181
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/2-12 (19)
Tarikh : 23 Februari 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

URUSAN PEMANGKUAN PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV29/DV30/DV36/DV38 KE JAWATAN PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV42 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) sedang dalam proses **persediaan pengisian jawatan Pegawai Latihan Vokasional (PLV) Gred DV42 bagi tahun 2018/2019**. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/ tuan/puan adalah dipohn untuk mengemukakan maklumat **Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) Gred DV29/DV30/DV36/DV38** yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat berikut:-

2.1 PPLV Perkhidmatan Gunasama Persekutuan yang telah berkhidmat di gred lantikan dan gred naik pangkat sepetimana berikut:

2.1.1 Dilantik sebagai **PPLV Gred DV29** / dinaikkan pangkat sebagai **PPLV Gred DV30 pada 31 Disember 2011 dan sebelum (Tidak hilang kekanan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan di Gred DV29 / tarikh kenaikan pangkat ke Gred DV30 berubah kepada tarikh 1 Januari 2012 dan seterusnya);**

2.1.2 Dinaikkan pangkat sebagai **PPLV Gred DV36 pada 31 Oktober 2017 dan sebelum (Tidak hilang kekanan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred DV36 berubah kepada tarikh 1 November 2017 dan seterusnya);** dan

...2/

- 2.1.3 Dinaikkan pangkat sebagai **PPLV Gred DV38 pada 31 Oktober 2017 dan sebelum** (Tidak hilang kekanan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred DV38 berubah kepada tarikh 1 November 2017 dan seterusnya);
- 2.2 Pegawai hendaklah mempunyai kelayakan seperti mana berikut:
- (i) **Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang teknologi kejuruteraan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan** daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) **Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan** daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (iii) **Lulus peperiksaan kenaikan pangkat ke Jawatan PLV Gred DV42.**
- 2.3 Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 2.4 Markah wajaran LNPT bagi **tiga (3) tahun terkini (2014, 2015 dan 2016)** adalah **80% dan ke atas**;
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Menandatangani Surat Akuan Pinjaman Institusi/Tabung Pendidikan; dan
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**
3. Permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen berikut:
- 3.1 **Lampiran A –** Borang Pertimbangan Pemangkuan Perkhidmatan Gunasama Persekutuan Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV29/DV30/DV36/DV38 ke Gred DV42
 - 3.2 **Lampiran B –** Borang Perakuan Ketua Jabatan;
 - 3.3 **Lampiran C –** Surat Akuan Pinjaman Pendidikan;
 - 3.4 Surat Keputusan Tapisan Keutuhan SPRM terkini;

- 3.5 Salinan Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terkini (2014, 2015 dan 2016) yang telah disahkan; dan
- 3.6 (a). Salinan skrol, transkrip dan cetakan pengiktirafan kelayakan e-sisraf yang telah disahkan bagi ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berikut:
- (i). **Bidang teknologi kejuruteraan**; atau
- (ii). **Bidang kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan**; atau
- (b). Salinan slip keputusan peperiksaan kenaikan pangkat ke Jawatan PLV Gred DV42 yang telah disahkan.
4. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan, terdapat **empat belas (14) kekosongan jawatan PLV Gred DV42** di seluruh Agensi Persekutuan. Justeru, urusan pengisian jawatan ini akan melibatkan **penempatan di beberapa lokasi kekosongan berdasarkan bidang pengkhususan seperti di Lampiran D**. Oleh itu, calon-calon yang tidak bersedia untuk penempatan di lokasi seperti yang dinyatakan di Lampiran D, tidak perlu memohon bagi urusan pemangkuhan ini.
5. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** seperti maklumat di **perenggan 3** di atas bagi setiap pegawai yang layak dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan sebelum atau pada 26 Mac 2018 (Isnin) di alamat:
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p. : **Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri**)
6. Dimaklumkan bahawa, menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di Perenggan 2 sahaja dikemukakan kepada Jabatan ini. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu dikemukakan)**. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan dan tindakan sewajarnya boleh diambil ke atas pihak yang berkenaan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

7. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuhan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. **Encik Ahmad Azizi bin Hj. Nordin** - 03-8885 4304
azizi.nordin@jpa.gov.my
- ii. **Puan Haini binti Ahmad** - 03-8885 4317
haini.ahmad@jpa.gov.my

8. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA
■ : 03-8885 4110
✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my